

Banyak penyelewengan semasa pemerintahan lepas

KOTA KINABALU 3 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, banyak penyelewengan berlaku sepanjang tempoh negeri Sabah berada di bawah pemerintahan tiga buah kerajaan yang lepas kerana tiada penyeliaan oleh Kerajaan Pusat.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan-kerajaan yang lepas tidak memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat yang cuba memerhatikan dan menegur perjalanan pentadbiran mereka.

Beliau menolak pandangan bahawa langkah penyeliaan terhadap Kerajaan Negeri Sabah yang baru itu merupakan satu tekanan kepada para pemimpin negeri ini.

Sebaliknya, beliau berkata, ia bukan satu tekanan melainkan jika ada di antara para pemimpin tersebut yang mempunyai niat tertentu.

Bercakap kepada para wartawan pada sidang akhbar di akhir lawatan dua harinya ke Sabah, beliau berkata: "Kita menaruh kepercayaan

kepada tiga buah kerajaan, tapi nampak... mungkin disebabkan *pressure* oleh pihak tertentu maka mereka tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna.

"Kita memang menyelesaikan semua kerajaan negeri di mana-mana jua. Memangpun kita memerhatikan pentadbiran-pentadbiran kerajaan negeri dan apa yang kita buat di sini tidak berbeza dengan apa yang kita buat di negeri-negeri lain.

"Hanya yang ingin saya sebutkan, tiga buah kerajaan yang terdahulu, mereka tidak memberi kerjasama dengan Kerajaan Pusat apabila kita cuba memerhati atau bila membuat teguran."

Beliau berkata, Kerajaan Pusat mempunyai tanggungjawab untuk menentukan kelicinan pentadbiran di seluruh negeri termasuk di Sabah.

Dr. Mahathir menarik perhatian, disebabkan tiada penyeliaan, banyak penyelewengan telah berlaku semasa pemerintahan kerajaan-kerajaan terdahulu.

Tentang mungkinkah kerajaan akan memansuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS), beliau berkata, setakat ini belum ada cadangan ke arah itu.

Mengenai pelancongan, beliau berpendapat, tidak ada sebab kenapa Sabah tidak boleh meningkatkan lagi jumlah pelancongan ke negeri itu memandangkan ia mempunyai banyak tempat-tempat yang menarik.

Bagaimanapun, katanya, antara masalah yang dihadapi oleh Sabah ialah kekurangan tempat penginapan dan kemudahan rekreasi.

Mengenai langkah mengaudit, beliau menegaskan, kerajaan akan mengambil tindakan ke atas mereka yang didapati menyeleweng, melanggar undang-undang atau peraturan.

Beliau berkata, proses pengauditan itu akan dipercepatkan dengan mendapatkan bantuan dari Ketua Audit Negara dan juruaudit swasta jika perlu.